

## TARJIH PENDAPAT FUQAHĀ TENTANG HUKUM STAIL POTONG RAMBUT LELAKI

**DR. ZAINUDDIN BIN CHE SEMAN, DR. MOHAMMAD YOSEF NITEH & HAJI ISMAIL BIN OMAR**

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[E-mel: zainuddin@kuis.edu.my](mailto:zainuddin@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Islam adalah agama yang sempurna. Setiap aspek kehidupan manusia telah diatur dalam Islam. Bahkan dalam hal memotong rambut pun juga telah diajarkan sejak zaman Rasulullah s.a.w. Bagi lelaki terdapat beberapa hal penting yang harus diperhatikan ketika melakukan potong rambut. Belakangan ini, sering kita lihat orang lelaki memotong rambut dengan gaya yang dilarang oleh Rasulullah s.a.w, yakni *qaza'*. *Qaza'* adalah memotong rambut dimana rambut hanya dipotong sebagian sedangkan sebagian dibiarkan. Namun larangan *qaza'* berlaku ikhilaf di kalangan fuqaha, sebahagian mereka mengatakan haram dan sebahagian lain mengatakan makhruh. Maka di dalam artikel ini penulis hendak meneliti hujah-hujah mereka serta mentarjih pendapat yang lebih utama sesuai dengan amalan masyarakat semasa. Kajian ini mengguna metode deduktif dan analisis data berdasarkan kajian kualitatif. Semoga artikel ini boleh memberi manfaat kepada para ilmuan dan masyarakat.

*Kata Kunci:* *Ikhtilaf, Qaza', Tarjih.*

### PENDAHULUAN

Terdapat stail potong rambut secara *qaza'* dalam masyarakat kita sekarang. Pengaruh ini telah merebak di kalangan kanak-kanak dan dewasa. Sedangkan tabiat ini adalah secara jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Stail *qaza'* ini dilakukan oleh sebahagian orang Islam kerana mengikuti tren semasa. Permasalahannya secara tidak sedar masyarakat Islam telah terpegaruh dengan stail ahli-ahli sukan dan sebagainya. Maka perlu memberi kesedaran dan mendedahkan kepada masyarakat berkaitan dengan larangan melakukan *qaza'* kerana itu bertentang dengan hadis-hadis Nabi saw. Kajian ini mendedahkan ikhtilaf di antara fuqaha tentang hukum berkaitan dengan stail potong rambut secara *qaza'*.

#### Maksud *Qaza'*

*Qaza'* dari segi bahasa tompok awan di langit. Diserupakan tompok rambut yang ditinggalkan di atas kepala seperti tompok-tompok awan di langit.

Pada istilah syarak ialah perbuatan mencukur sebahagian rambut kepala dan membiarkan sebahagiannya tanpa dicukur seperti sepotong awan di langit.


#### Stail Potong Rambut

Terdapat beberapa stail potongan rambut bagi kaum lelaki yang dilarang dalam Islam samaada bagi kanak-kanak ataupun dewasa sebagaimana berikut:

1. Cukur secara tidak teratur (sebelah kiri, kanan, depan dan atas) secara jalur.

2. Cukur bahagian tengah rambut sahaja dengan membiarkan bahagian tepi.
3. Cukur bahagian tepi rambut sahaja dengan membiarkan bahagian tengah.
4. Cukur bahagian dahi sahaja dengan membiarkan yang bahagian lain.
5. Cukur bahagian depan rambut sahaja dengan membiarkan bahagian belakang.
6. Cukur bahagian belakang rambut sahaja dengan membiarkan bahagian depan.

Gambar imej potongan rambut secara *qaza`*



### **Hukum *Qaza`***

Memotong rambut secara *qaza`* adalah makruh mengikut pendapat mazhab hanafi, Maliki, Syafi` dan Hambali berdasarkan beberapa hadis seperti berikut:

Dalil daripada hadith

عن ابن عمر: أن رسول الله - صلى الله عليه وسلم - نهى عن القرع.

*Maksudnya:*

*Bahawa Rasulullah saw larang daripada melakukan *qaza`**

Riwayat al-Bukhari

Dalil lain

عن ابن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن القرع، قيل لนาفع: ما قال: "أن يُحلق بعض رأس الصبي، ويُترك بعضه"

*Maksudnya:*

*Daripada Ibnu Umar bahawa Rasulullah saw milarang daripada *qaza`*, lalu ditanya kepada Nafi` (apa maksud *qaza`*)*

.Riwayat Imam Muslim dan al-Bukhari

عن ابن عمر رضي الله عنهم أن النبي صلى الله عليه وسلم رأى صبياً قد حلقَ بعضُ شعره وثُرَكَ بعضُه، فنهى عن ذلك، وقال: ((احلقوا كُلَّهُ، أو اترکوا كُلَّهُ))؛

Maksudnya:

*Daripada Ibnu Umar r.a sesungguhnya Nabi saw melihat kanak-kanak telah mencukur sebahagian rambu serta membiarkan sebahagian lagit*

.Riwayat Imam Ahmad

#### Dalil daripada ijmak

Pada pendapat Imam Nawawi makruh *qaza'* berdasarkan hadis-hadis tentang *qaza'*, beliau juga merujuk kepada pendapat para ulamak, kecuali untuk berubat dan sebagainya. Begitu juga al-Tibiyyu mengatakan makruh tanzih dalam kitab *Syarah al-Misykah*. Maka hukum memotong rambut secara *qaza'* adalah makruh *qaza'* sama ada kanak-kanak dan dewasa.

Memotong rambut secara *qaza'* adalah haram kerana menyerupai stail rambut orang kafir. Maka menyerupai orang kafir adalah haram. Pendapat ini berdasarkan beberapa hadis seperti:

#### Dalil daripada hadis

عن ابن عمر رضي الله عنهم، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((من تشبه بقوم فهو منهم))؛

Maksudnya:

*Daripada ibnu Umar r.a sabda Rasulullah saw "sesiapa yang nenyerupai suatu kaum maka dia di kalangan mereka".*

Riwayat Abu Daud

#### Dalil daripada hadis

وعن عمر رضي الله عنه مرفوعاً: ((حَقُّ الْقَفَا مِنْ غَيْرِ حِجَامَةٍ مَجْوِسَيَّةً))،

Maksudnya:

*Daripada Umar r.a "cukur di bahagian hadapan bukan kerana berbekam adalah perbuatan orang majusi.*

عن أنس بن مالك رضي الله عنه: "أنه رأى غلاماً له قرنان، أو قصتان، فقال: احلقوا هذين أو قصُّوهما؛ فإن هذا زِيَّ اليهود".

Maksudnya:

*Daripada Anas r.a “Bahaha (Rasulullah) melihat kanak-kanak mempunyai dua tanduk (stail rambut), lalu bersabda cukur atau guntung ke dua-duanya kerana itu adalah fesyen (rambut) Yahudi.*

Riwayat Abu Daud

### Pendapat Fuqaha

Jumhur ulamak cenderung kepada larangan qaza` adalah larangan makruh melainkan bertujuan menyerupai orang kafir, maka itu adalah haram. Hikmat disebalik larangan makruh adalah merubah kejadian Allah, Namun sebahagian berpendapat bahawa qaza` adalah haram jika dengan niat untuk meniru stail fesyen rambut orang Yahudi dan Majusi.

Berkata imam al-Marwazi bahawa aku bertanya kepada Abu Abdullah (Imam Ahmad tentang perbuatan cukur rambut di hadapan kepala sahaja, lalu beliau menjawab bahawa itu adalah sebahagian daripada perbuatan orang majusi, sesiapa yang menyerupai dengan sesuatu kaum maka dia termasuk di kalangan mereka.

Imam Ibnu al-Qayyim berkata bahawa stail mencukur sebahagian rambut dan membiarkan sebahagiannya boleh dibahagi kepada beberapa tahap, yang paling teruk adalah cukur bahagian tengah dan membiarkan bahagian tepi kerana menyerupai orang Nasrani. Begitu juga mencukur bahagian tepi serta membiarkan bahagian tengah sebagaimana stail yang dilaku oleh orang-orang bodoh dan taraf orang hina dalam masyarakat, seterusnya yang mencukur bahagian hadapan serta membiarkan bahagian belakang. Justeru itu sebahagian mereka lebih buruk dan hodoh daripada sebahagian lain. Oleh sebab itu pada beliau berpendapat bahawa ketiga-tiga stail tersebut adalah termasuk dalam larangan qaza` daripada Nabi saw.

Ibnu `uthaimi berpendapat bahawa qaza` adalah makruh kerana Nabi saw melarang seorang lelaki yang cukur sebahagian dan membiarkan sebahagian, lalu Rasulullah saw melarang perbuatan tersebut, sambil berkata “cukurlah semua rambut atau biarkan semua”. Apabila perbuatan tersebut menyerupai perilaku orang kafir maka hukumnya adalah haram, kerana menyerupai mereka itu adalah haram. Ini berdasarkan hadis “sesiapa menyerupai suatu kaum maka ia di kalanagan mereka”.

Al-Qurtubi berkata bahawa tidak berlaku khilaf tentang larangan qaza`, kerana huraihan daripada Nafi` tentang hadis qaza` adalah jelas. Tetapi berlaku ikhtilaf jika cukur semua rambut kecuali tempat tertentu sahaja. Beliau berkata ikhtilaf pada tujuan perbuatan yang dilakukan, kerana itu menyerupai stail rambut orang fasik. Imam Malik juga melarang daripada qaza`. Beliau bersandarkan kepada hadis riwayat Abu Daud bahawa qaza` itu adalah perhiasan orang majusi”. Maka yang dijadikan illah hukum adalah menyerupai orang majusi. Tersebut di dalam Kitab fatawa al-Hindiyah yang menyatakan bahawa makruh qaza`, iaitu cukur sebahagian rambut dengan membiarkan sebahagiannya walaupun sekadar tiga anak jari.

### **Sebab-sebab Larangan *Qaza'***

Dapatan kajian bahawa larangan daripada perbuatan *qaza'* itu berdasar kepada beberapa sebab yang dapat diambil daripada hadis-hadis larangan *qaza'*, sebagaimana berikut:

1. Mencacatkan kejadian Allah yang amat indah.
2. Menyerupai simbul perhiasan saitan dan sifatnya.
3. Menyerupai simbul stail dan kemegahan orang yahudi.
4. Menyerupai simbul orang jahat, fasik yang berakhhlak buruk.
5. Menyerupai stail rambut orang Majusi dan bukan orang Islam.

Berdasarkan sebab-sebab tersebut maka berlaku ikhtilaf di kalangan fuqaha untuk menentukan hukum *qaza'*. Sebahagian mereka mengatakan makruh *qaza'* dan sebahagian pula mengatakan haram. Semua mereka mempunyai dalil-dalii serta hujjah masing-masing.

### **KESIMPULAN**

Dapatan kajian ini bahawa larangan melakukan *qaza'* amat jelas berdasarkan kepada analisis hadis-hadis larangan *qaza'* secara *dilalah al-nas*. Tetapi berlaku ikhtilaf di kalangan fuqaha dalam menentukan kedudukan hukum samaada makruh atau pun haram. Ikhtilaf itu berlaku kerana hadis-hadis tersebut tidak disertakan dengan apa-apa ancaman atau balasan. Walaupun hadis-hadis tersebut telah menjelaskan bahawa perbuatan *qaza'* adalah menyerupai stail bagi orang yahudi, majusi, orang fasik dan mereka yang buruk sifat namun berlaku juga ikhtilaf di kalangan fuqaha.

Sehubungan dengan itu kajian ini mengambil pendekatan bahawa hukum *qaza'* boleh diandaikan kepada larangan makruh atau *makruh tanzih*. Maka hukum *qaza'* adalah haram sekiranya perbuatan *qaza'* itu dilakukan dengan niat mengikut atau meniru mana-mana stail atau fesyen mereka bukan Islam seperti yahudi dan majusi. Sekiranya dilakukan tanpa tujuan tersebut hukumnya adalah makruh kerana bertentangan dengan larangan yang jelas daripada hadis Nabi saw. Oleh itu Perbuatan *qaza'* itu boleh membawa kepada hukum makruh atau hukum haram tertakluk kepada niat seseorang.

### **PENUTUP**

Semoga kajian ini dapat memberi penjelasan terhadap kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat tentang isu stail memotong rambut. Walaupun hukumnya boleh membawa kepada hukum makruh atau haram. Tetapi pemberat kepada hukum adalah kepada haram kerana membawa imej yang tidak baik sedang Islam menghendaki perkara yang terbaik. Walaupun hadis-hadis tidak disertakan dengan apa-apa balasan namun hadis-hadis disebut melarang daripada menyerupai dengan yahudi dan majisi. Dalam hadis juga menjelaskan bahawa *qaza'* adalah simbul saitan dan sifatnya.

## RUJUKAN

'Ahmad bin Hambal (1996) , al-Musnad Imam 'Ahmad, C. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.

'Abu Daud al-Imam al-Hafiz Sulaiman ibnu al-Asy'ath al-Sijistani al-Azdi (1950) Sunan 'Abi Daud, Mesir: Matba'ah al-Sa'adah..

Bukhari al; 'Abu 'Abdullah Muhammad (1981) *Sahih al-Bukhari*. Bairut: Dar al-Fikr.

Baihaqi al; al-Imam 'Abi Bakar 'Ahmad bin Husin (1994) *al-Sunan al-Kubra* . Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

'Ibnu Hajar al-'Asqalani(t.t) *Fath al-Bari*, Beirut : Dar al-Ma'rifah

Muslim al; bin al-Hajjaj (1992) *Shahih Muslim*, Beirut: Dar al-Fikir.

Muhammad bin Muhammad (t.t) *Nailu al-'Autar* , Bairut: Dar al-Ihya' al-Thurath al-Arabi.

Malik bin 'Anas (1985) *al-Muwatta* , Beirut: Dar Ihya' al-Thurath al-Arabia.

Muhammad bin Ismail al-San'ani (1987) *Subul al-Salam*.Jld.3, Bairut: Dar al-Kutub al-Arabi, h..418.

Nasa'i, al; 'Abu 'Abdul Rahman 'Ahmad (1986) *Sunan al- Nasa'i*, Beirut: Dar al-Basya'ir.

Tirmidhi al; 'Abi Isa Muhammad (1983) *Sunan al-Tarmidhi*. Bairut: Dar al-Fikr.

## BUKU-BUKU FIQH

'Abu 'Abdullah Muhammad bin Nasir (2000) *Ikhtilaf al-Fuqaha'*, Riyad: Maktabah 'adwa' al-Salaf, h.421.

'Ahmad bin 'Abdul Razak al-Duwais (2004) *Fatwa al-Lujnah al-dā'im lil Buhuth al-Ilmiyyah wa-Iftā'*.

D.Sirojuddin Ar ( 1997 ) *Ensiklopedi Hukum Islam* , (terj.) , Jakarta: Pt

Dr. Mohammad 'Ali al-Bari (1980) *al-Tadkhin Wa 'atharuhu 'ala al-Sihhati*, Sa'udi: al-Dar al-Sa'udiyyah lil al-Nasyr wa al-Tauzi'.

Ibnu Hajar al-haitami ( 2001) *Tuhfah al-Muhtaj* , Beirut: Dar al-kutub al-Ilmiyyah.

Ibnu Rushdi 'Abu Walid Muhammad (t.t) *Bidayah Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Lahore: Paran Akademi.

Ibnu Hazmi 'Abu Muhammad Ali al-Andalusi (1988) *al-Muhalla bil Athar* , Beirut: Dar al-kutub al-Ilmiyyah.

Ibnu Taimiyyah (t.t) *Majmu‘ Fatawa* , Makkah al-Mukarramah

Mustafa al-Khan et.al (1989) *al-Fiqh al-Manhj* , Dimasyq : Dar al-Ulum al-Insaniyyah

Nawawi, al; 'Abu Zakaria Mahyuddin( t.t), *Kitab al-Majmu‘ Syarah al-Muhadhdhab li-al Syirazi*, al-Maktabah al-Alamyiah.

\_\_\_\_\_(1985) *Raudah al-Talibin Wa ‘Umdah al-Muftin*, j. 3. C. 2.  
Beirut: al-Maktabah al-Islami.

Ramli,al; 'Ahmad (t.t) *Nihayah Muhtaj Syrah al-Minhaj*, Beirut: Dar Ihya' Thurath al-Arabia.

Syarbini al; al-Khatib Syamsuddin Muhammad bin 'Ahmad (1990), *Mughni al-Muhtaj* , Beirut: Dar al-Fikr

Syirazi , al Abu Ishak Ibrahim (1996) *Tanbih fi Furu' al-Fikh al-Syafie*, Beirut: Dar al-Fikr.

Yusuf Hj. al-Alim (t.t) *al-Maqasid al-Ammah lil Syari‘ah al-Islamiah*.  
Kaherah:Dar al-Hadith.

Wahbah al-Zuhaili (1989) *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* . Damsyiq : Dar al-Fikr . Intermasa.